

## Kempen Raya Pembiayaan ASB-i

Telah dikemas kini pada: (08/04/2021)

### TEMPOH KEMPEN

“Kempen Raya Pembiayaan ASB-i” (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“HLISB”) bermula pada 13 April 2021 dan akan berakhir pada 11 Jun 2021, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau apabila dana sasaran telah dicapai, mengikut mana-mana yang terdahulu (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Kempen ini terbuka kepada permohonan (seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1) yang dikemukakan semasa Tempoh Kempen di mana pelanggan mestilah membuat permohonan Pembiayaan ASB-i sebelum Tempoh Kempen berakhir.

### Terma-Terma dan Syarat-Syarat (“T&S”)

#### KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan HLISB atau Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) yang baharu dan sedia ada termasuk warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap Malaysia (“Pelanggan”), dalam Tempoh Kempen dengan minimum Permohonan Pembiayaan Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000) (“Pelanggan yang Layak”).
2. Pelanggan yang Layak yang telah melakukan dan / atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan atau salah laku dengan Produk dan / atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLISB atau HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada HLISB / HLB, mana-mana bank atau pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang tindakan muflis pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen adalah TIDAK layak menyertai Kempen ini.

#### KAEDAH KEMPEN

3. Pelanggan yang memohon Pembiayaan ASB-i mengikut amaun yang dinyatakan di Jadual 1 semasa Tempoh Kempen akan diberikan Hadiah (“Hadiah”) berikut.

**Jadual 1**

No	Amaun Pembiayaan ASB-i	Hadiah	Jumlah Unit
1	RM100,000 ke atas	Baucar Lazada RM100.00	100 unit

4. Bagi mengelak sebarang keraguan, Kempen ini adalah berdasarkan **kepada siapa cepat dia dapat dan / atau tertakluk kepada stok yang sedia ada**
5. Pelanggan yang Layak untuk menerima hadiah (“Pelanggan yang Berjaya”) akan dimaklumkan oleh pihak HLISB pada atau sebelum 15 Julai 2021.
6. Pelanggan Layak yang Kemudahan telah memohon pembiayaan sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima satu (1) unit hadiah, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam jadual di atas.
7. Hadiah yang diterima oleh Pelanggan yang Layak adalah dianggap dalam keadaan yang baik melainkan HLISB diberitahu mengenai sebarang kecacatan dalam tempoh dua (2) hari bekerja setelah menerima Hadiah.
8. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak mendapat satu (1) Hadiah bagi setiap permohonan tanpa mengira bilangan Produk yang dilanggan sepanjang Tempoh Kempen.
9. Kempen ini TIDAK sah pada kempen / promosi lain yang ditawarkan oleh HLISB berkenaan dengan Produk di Jadual 1 di atas, dari semasa ke semasa.

## UMUM

10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
  - (a) untuk terikat dengan T&S di sini;
  - (b) kesemua keputusan HLISB berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan dan HLISB berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&S Kempen di sini;
  - (c) bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, bayaran yuran yang dikenakan oleh pihak kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah perundangan yang berkaitan, (jika ada), berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
  - (d) Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, cek, atau lain-lain pertukaran dan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga.
  
11. HLISB berhak:
  - (a) untuk menghentikan Kempen jika terdapat keraguan pada Pelanggan yang Layak atau pemberhentian Tempoh Kempen pada bila-bila masa atau berlaku ketidak patuhan T&S di sini;
  - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, mengikut cara HLISB dan menyiarkan di laman sesawang HLISB, [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB setelah memberi notis dua puluh satu (21) hari;
  - (c) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&S mengikut budi bicara yang wajar dalam kempen ini.
  
12. T&S adalah tertakluk dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju dengan bidang kuasa Mahkamah Malaysia.